

**PENDIDIKAN SOSIOBUDAYA DALAM KONTEKS PENGEMBANGAN DAN
PENGKALAN KRAF TEKAT DI DAERAH
KUALA KANGSAR**

SITI HANIM BINTI MOHD NAWAWI

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SENI KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2015

ABSTRAK

Kajian ini menghuraikan tentang pembelajaran sosio-budaya dalam kraf tekak di daerah Kuala Kangsar. Tekak adalah kraf jahitan sulaman Melayu yang sangat indah. Penyelidikan menggunakan kaedah kualitatif, termasuk menemu bual Adiguru, menganalisis hasil karyanya, mengkaji dokumen sokongan dan memerhati proses pembelajaran dalam bengkel. Kajian ini juga menemu bual anak-anak, cucu-cucu dan pembantu-pembantu kepada Adiguru. Hasil dapatan menunjukkan pemerhatian, peniruan, dan pengulangan adalah sebahagian daripada proses pembelajaran kraf tekak. Bentuk-bentuk tekak tradisi boleh dikekalkan dan kemudian diubah kepada reka bentuk moden. Kemahiran pembuatan tangan diturunkan daripada satu generasi ke generasi seterusnya. Walau bagaimana pun mesin sulaman terkini juga digunakan. Kesimpulannya, kekuatan kraf tekak ini terletak pada cara amalan masa kini. Kajian ini menjadi contoh amalan kaedah pengajaran dan pembelajaran alternatif yang menghubungkan warisan tradisi melalui pengetahuan dan pengalaman Adiguru untuk mengekalkan budaya tradisi identiti bangsa dan budaya dalam Pendidikan Seni Visual.



SOCIACULTURAL EDUCATION IN THE CONTEXT OF EXPENSION AND PRESERVATION OF TEKAT CRAFT IN KUALA KANGSAR DISTRICT

ABSTRACT

This study describes the socio-cultural education of Tekat crafts in the district of Kuala Kangsar. Tekat is a beautiful Malay needlework embroidery craft. The researcher uses the qualitative method, which includes interviewing the crafts master, analyzing her works, studying supportive documents, and observing the learning processes in the workshop. Other interviews involving children, grandchildren and apprentices of the crafts master are also conducted in this study. The results show that observation, imitation, and repetition are parts of the learning processes in Tekat crafts. The traditional embroidery forms can be retained and also transformed into modern design. Hand-made skills are bequeathed from one generation to the next generation; however, state of the arts embroidery machine is also used. In conclusion, the strength of the Tekat crafts lies in the way they are currently practiced. This research serves as an example of alternative teaching and learning method that links heritage trough knowledge and experience of the crafts master to retain culture, tradition and national identity in Visual Art Education.

	KANDUNGAN	
		Muka surat
PENGAKUAN		ii
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iv
ABSTRACT		v
KANDUNGAN		vi
SENARAI JADUAL		xiii
SENARAI GAMBAR		xiv - xviii

SENARAI RAJAH

xix

BAB 1

PENGENALAN

Muka Surat

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar belakang Kajian	2 - 4
1.2	Pernyataan Masalah	5 - 9
1.3	Objektif Kajian	10
1.4	Persoalan Kajian	10
1.5	Signifikan Kajian	11-13
1.6	Kerangka Konsep	13 - 21

KRAF DI KUALA KANGSAR

2.0	Pendahuluan	22- 23
2.1	Kedudukan Kampung Padang Changkat	23 - 32
2.2	Puan Hajah Azizah, Adiguru Tekatan	32 - 36
2.3	Seni Kraf Tekat Daerah Kuala Kangsar	37 – 48
2.4	Proses Penghasilan Kraf Tekat Daerah Kuala Kangsar	49 - 51
2.5	Motif-motif Kraf Tekat	52 - 53
2.6	Susunan Motif	53 - 56
2.7	Kediaman dan Bengkel Kraf Tekat	56 - 63

4.0	Pengenalan	92
4.1	Analisis Bentuk-bentuk Kraf Tekat Daerah Kuala Kangsar	93 - 97
4.2	Bentuk-bentuk Kraf Tekat Daerah Kuala Kangsar	97 - 98
4.2.1	Bentuk-bentuk Tradisional	99 - 108
4.2.2	Bentuk-bentuk Kraf Tekat Dimensi Baru	108 - 115
4.3	Nilai dan Falsafah Tekat Daerah Kuala Kangsar	116 - 120
4.4	Pengembangan dan Pengekalan Kraf Tekat Daerah Kuala Kangsar	120 - 139
4.5	Pendidikan Sosiobudaya Kraf Tekat di Daerah Kuala Kangsar	139 - 148

LAMPIRAN D

LAMPIRAN E

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

LAMPIRAN F


LAMPIRAN G

LAMPIRAN H



No. Jadual

3.1	Kaedah Pengumpulan Data	80
3.2	Kaedah Pengkodan Data	87 - 88



SENARAI GAMBAR

No. Gambar		Muka surat
2.1	Pintu gerbang Bandar Kuala Kangsar	25
2.2	Sungai Perak	25
2.3	Jalan masuk ke Kampung Padang Changkat	27
2.4	Makam Maharaja Pancung Tak Bertanya	28
2.5	Papan tanda Satu Daerah Satu Industri Kraf Tekatan	29
2.6	Papan tanda Kampung Desa Cemerlang	30
2.7	Kraf parang dan kraf tembikar	30
2.8	Sungai Perak	31
2.9	Sumber ilham berdasarkan flora di tepi sungai Perak.	32
2.10	Puan Hajah Azizah binti Mohd Yusuf	33
2.11	Puan Mardziah binti Abu Kassim	34
2.12	Jalan masuk ke Istana Iskandariah	39
2.13	Istana Kenangan	40

2.14	Papan tanda kediaman kerabat diraja dalam Kampung Padang Changkat	41
2.15	Papan tanda perusahaan pandai besi Encik Abdul Mazin	41
2.16	Batu tanda perusahaan kraf tekak Anika Sri Enterprise Salmah Joya	42
2.17	Papan tanda perusahaan kraf tekak Azydar Enterprise Azizah Haji Adam	42
2.18	Baju baldi hitam bertekak motif bunga raya	43
2.19	Tekak timbul benang emas	46
2.20	Tekak gubah	47
2.21	Tekak perada	48
2.22	Alatan dan bahan menghasilkan kraf tekak	49
2.23	Pemidang	51
2.24	Susunan tunggal	54
2.25	Susunan sulur bayung	55
2.26	Susunan awan larat	56
2.27	Kediaman Puan Hajah Azizah	57
2.28	Ruang tamu utama	58
2.29	Ruang tamu utama	58
2.30	Ruang tamu kedua	59

2.31	Ruang tamu kedua	59
2.32	Bahagian hadapan bengkel	60
2.33	Bahagian dalam bengkel	61
2.34	Bahagian dalam bengkel	62
2.35	Almari menyimpan benang	62
4.1	Pengiktirafan Kampung Padang Changkat sebagai Kampung Desa Cemerlang	95
4.2	Pengiktirafan Puan Hajah Azizah sebagai Perantis Kraf Warisan Tekatan	96
4.3	Selempang tetapan	99
4.4	Lemudi pintu	100
4.5	Bantal sila atau ‘cior’	100
4.6	Kusyen atau bantal tangan	101
4.7	Kipas tangan	102
4.8	Tepak sirih	103
4.9	Bantal tangan atau bantal kaki	104
4.10	Muka bantal peluk atau bantal panjang	104
4.11	Set tilam bayi	105
4.12	Hiasan pada lemudi pintu	107
4.13	Tudung saji	107
4.14	Mesin sulam pelbagai rasiati benang	110

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDID
N IDRIS	UNIVERSITI PENDID	UNIVERSITI F
4.15	Sarung bantal	111
4.16	Hiasan dinding	111
4.17	Beg tangan	113
4.18	Motif kraf untuk bingkai gambar	113
4.19	Alas dulang	114
4.20	Hiasan dinding	114
4.21	Motif buah dan bunga padi	118
4.22	Motif kaligrafi	119
4.23	Bentuk dan motif pada tepak siri	121
4.24	Kipas tangan	122
4.25	Bantal tangan atau kusyen	123
4.26	Baju layang dan selempang	125
4.27	Motif bunga cempaka	126
4.28	Motif pokok keladi	127
4.29	Motif bunga cina	127
4.30	Motif bunga pecah empat belas	128
4.31	Motif bunga anggerik	128
4.32	Motif buah dan daun padi	130
4.33	Motif bunga cempaka kembang	130
4.34	Motif bunga cempaka hutan	131
4.35	Motif bunga kekwa	131
4.36	Motif bunga kenanga	132

4.37	Motif bunga tulip	133
4.38	Motif bunga mawar	134
4.39	Motif campuran bunga orkid dan cempaka	134



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka surat
1.1	Kerangka konsep kajian	13
2.1	Kedudukan Istana Kenangan dan Istana Iskandariah	26
2.2	Lokasi Kampung Padang Changkat	26
2.3	Jarak Kampung Padang Changkat dengan Istana Iskandariah dan Istana Kenangan	39
2.4	Pelan lantai kediaman dan bengkel	63
3.1	Kaedah Analisis Data Mengikut Model Interaktif Miles & Huberman, 1992	83
4.1	Konsep pembelajaran sosiobudaya. Adaptasi daripada Sally Anne Moore, <i>Time to Performance</i> , 1998	142

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Bab Satu penulisan kajian ini menjelaskan beberapa aspek penting seperti latarbelakang kajian, masalah kajian, objektif kajian, persoalan dan kepentingan kajian, kerangka konsep serta definisi konsep. Seajar dengan objektif utama penyelidikan yang menjurus kepada strategi pembelajaran sosiobudaya dalam seni kraf tekak di daerah Kuala Kangsar beberapa konsep seperti enkulturasi, adaptasi dan asimilasi turut diperjelaskan dalam bab awal ini.

1.1 Latar belakang kajian

Proses pengekalan dan pengembangan kesenian di dalam sesebuah masyarakat adalah terletak kepada proses pendidikan yang dialami. Dalam konteks kesenian tradisi, proses pendidikan berlangsung dalam suasana pembelajaran tidak formal. Pendidikan tidak formal ini merupakan proses pembelajaran yang disampaikan tidak mempunyai penetapan masa, kaedah atau silibus tertentu. Kaedah pendidikan tidak formal ini berlaku berasaskan pengalaman, pemerhatian, perbuatan atau apa sahaja yang berlaku dalam kehidupan seharian manusia.

Secara tradisi, pendidikan tidak formal aliran tradisi berlaku dalam amalan budaya dan adat serta perlakuan dan ia berlangsung sepanjang hayat. Pendidikan tidak formal biasanya berlaku secara turun-temurun. Amalan yang berlangsung dalam sesebuah keluarga melalui tingkah laku dan kepercayaan seterusnya membentuk satu sistem pengetahuan. Sistem pengetahuan mengenai amalan atau budaya pembuatan hasil kraf seperti aspek bahan, teknik dan falsafah dipindahkan secara berterusan.

Agen sosialisasi yang sangat berpengaruh dalam pembentukan segala aspek berasaskan kepada kekuatan sesuatu masyarakat itu ialah institusi keluarga.

Berasaskan kepada institusi keluarga, akan terbentuk nilai-nilai bahasa, budaya dan kepercayaan tertentu termasuklah kesenian setempat. Setiap ahli komuniti yang cinta dan menghargai hasil kraf bertanggungjawab terhadap semua proses pengekalan dan pengembangan kesenian setempat.

Masyarakat merupakan kelompok manusia yang hidup dalam kumpulan dan saling berinteraksi. Interaksi individu dan keluarga dalam sesebuah masyarakat membina kekuatan nilai kesenian komuniti masing-masing. Interaksi secara lisan, pemerhatian dan peniruan terhadap perlakuan ahli keluarga atau komuniti adalah pendidikan secara berterusan. Hasil interaksi antara ahli komuniti menggalakkan sistem pendidikan tidak formal ini berterusan terutamanya bagi pengekalan warisan budaya.

Sosiobudaya adalah hubungan masyarakat dengan budaya seperti cara hidup, adat istiadat dan kepercayaan. Dalam kajian ini, konteks pendidikan yang dilihat menjurus kepada adat istiadat melibatkan kesenian kraf tangan iaitu kraf tekat. Adat istiadat masyarakat tradisi memerlukan objek seni tampak dan bahan etnografi. Objek seni tampak ini biasanya mempunyai nilai estetik dan fungsi tertentu. Bahan etnografi bagi konteks kajian ini melibatkan peralatan domestik dan objek perhiasan diri.

Seni pembuatan termasuk hasil kraf adalah satu lambang tamadun manusia sama ada secara sosial atau secara individu. Sesuatu kebudayaan itu akan dimulakan dengan satu pembangunan serta perkembangan perasaan peribadi seseorang individu terhadap persekitaran. Seterusnya dengan kelompok sosial dan keagamaan kerana manusia mempunyai keperluan biologi, sosial dan spiritual. Oleh itu pembangunan tersebut seterusnya menggunakan seni sebagai satu instrumennya.

Pengetahuan tentang seni sama ada pada masa lampau atau masa kini akan dapat memperkembangkan dan membangunkan setiap kesedaran serta pemahaman kita terhadap nilai kemanusiaan yang di dalamnya terdapat unsur budaya. Malah seni kraf tekak juga merupakan satu bidang yang amat unik dengan pengalaman seni serta dapat memberikan sumbangan yang tidak ternilai kepada tamadun dan budaya manusia. Rupa dan bentuk sesebuah masyarakat itu sebenarnya adalah hasil atau produk budayanya, terutama sekali aspek sistem nilai budayanya.

1.2 Pernyataan Masalah

Pembelajaran sosiobudaya merujuk kepada kaedah pembelajaran zaman tradisional iaitu pembelajaran informal yang didiskripsikan sebagai pembelajaran sepanjang hayat. Individu memperoleh tingkahlaku, nilai, kemahiran dan pengetahuan daripada pengalaman harian dan sumber yang berpengaruh dalam persekitaran seperti keluarga, jiran dan komuniti atau persekitarannya (Conner, 2004).

Sosiobudaya adalah gabungan elemen sosialisasi dan budaya. Sosialisasi adalah proses penanaman atau pemindahan kebiasaan atau nilai-nilai dan aturan dari satu generasi ke satu generasi. Para sosiologis menyatakan sosialisasi adalah sebagai teori peranan. Ini kerana dalam proses sosialisasi diajarkan peranan yang harus dijalankan oleh individu. Proses yang melibatkan interaksi, asimilasi dan adaptasi ini secara jangka panjang akan berpindah pula dalam sesebuah kelompok atau masyarakat.

Budaya secara amnya merupakan cara hidup yang berasal dari perkataan budi dan daya. Budi dilihat sebagai aspek dalaman manusia yang meliputi akal dan nilai dan daya merupakan aspek lahiriah manusia yang meliputi usaha dan

hasilan. Budaya mempunyai ciri-ciri seperti perkongsian sesuatu masyarakat, tidak terpisah dari bahasa dan diperolehi melalui pembelajaran. Edward B. Taylor (1958) menganggap budaya adalah satu konsep menyeluruh yang melibatkan ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, tata susila dan lain-lain kebolehan serta kebiasaan yang diperolehi oleh manusia sebagai anggota masyarakat.

Amalan gaya hidup dan peradaban bagi sesuatu masyarakat disebarkan melalui pendidikan, lahir dari pegangan dan kecenderungan diri masyarakat berkenaan dalam berbagai bidang hidup, untuk memberi kepuasan dan merangsang pembangunan hidup masyarakat itu. Bagaimana ia boleh menjadi amalan gaya hidup adalah berdasarkan sistem warisan yang dipelajari secara tidak formal tetapi berterusan (Mohd Arshad Hj. Taib, 2009). Masyarakat Kampung Padang Changkat meneruskan usaha pengekalan pelbagai penghasilan kraf termasuk kraf tekak bagi tujuan kelangsungan budaya mereka.

Berdasarkan Kamus Dewan (Edisi 4, 2005) memberikan takrifan enkulturasi merupakan satu perbuatan penerimaan sesuatu melalui budaya persekitaran. Kamus Wikipedia menjelaskan bahawa enkulturasi adalah proses di mana manusia belajar keperluan budaya dan memperolehi nilai-nilai serta tingkah laku yang sesuai atau perlu dalam budaya di persekitaran mereka. Pembudayaan

sering dikaitkan dengan sosialisasi. Ia merujuk kepada pembentukan individu oleh ibu bapa, individu dewasa yang lain dan rakan-rakan.

Secara lebih jelas, proses enkulturasi adalah proses di mana seseorang individu mempelajari dan menyesuaikan minda dan sikapnya dengan adat istiadat, sistem norma dan peraturan-peraturan yang hidup dalam kebudayaannya. Proses ini bermula sejak kecil oleh setiap warga masyarakat tersebut. Ia dimulai dari dalam keluarga dan akhirnya kepada sahabat-handai, rakan-taulan dan jiran-tetangga. Institusi keluarga merupakan agen utama dalam proses enkulturasi ini.

Bentuk paling awal dalam proses enkulturasi ini adalah meniru pelbagai tindakan orang lain. Peniruan yang dilakukan akan melibatkan penerimaan perasaan terhadap nilai budaya yang ditiru. Tindakan peniruan tersebut memberikan motivasi secara tekal yang diinternalisasikan dengan kehidupan peribadinya. Internalisasi melibatkan proses penghayatan terhadap nilai yang ditiru. Pengulangan peniruan akan menjadi pola yang mantap dan ia menjadi norma yang dibudayakan terutamanya dalam aspek nilai bahasa dan ritual budaya.

Fasa akhir adalah menyesuaikan diri dengan kebiasaan tersebut dan menjadikannya sebagai amalan. Ini bermakna, individu yang memerhati,